

TEKS UCAPAN PERASMIAN

MAJLIS PERASMIAN

SIMPOSIUM WANITA DALAM PENGAJIAN TINGGI

13 JULAI 2021 (SELASA)

DR. ZURINA BINTI ABDUL HAMID

**KETUA PENGARAH, JABATAN PEMBANGUNAN WANITA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Bismilahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-Nya, dapatlah kita bersama-sama menjayakan Simposium Wanita Dalam Pengajian Tinggi yang diadakan bersempena 7th Global Higher Education Forum 2021: "Disruptive Era: Higher Education at the Crossroads".
2. Simposium yang dianjurkan secara maya (virtual) sepenuhnya ini dengan sinergi kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi, Universiti Sains Malaysia dan Jabatan Pembangunan Wanita. Syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana yang bertekad dalam menjayakan penganjuran program ini yang sememangnya sangat signifikan dengan keperluan wanita dalam ekosistem sektor pengajian tinggi pada masa kini.

Teks Ucapan Perasmian

3. Dalam usaha memperkasa golongan wanita, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menggunakan pendekatan Model Pemerksaan Wanita 4K iaitu (i) Kesejahteraan yang mana merangkumi kestabilan emosi, kesihatan mental, kerohanian dan keperibadian positif; (ii) Kesaksamaan iaitu keupayaan untuk mendapat manfaat yang adil dari aspek keperluan berbanding kesamarataan yang tidak bersifat substantive; (iii) Kewangan iaitu perantara yang menyumbang kepada kesejahteraan social; dan (iv) Kemahiran dan Kepimpinan Kendiri iaitu skil asas yang boleh digunakan sebagai asset nilai dan keupayaan membangunkan jati diri sendiri.

4. Pelbagai usaha kolaborasi strategik telah dilaksanakan dan antaranya ialah usaha sama JPW dengan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mendidik dan membantu wanita yang mengalami masalah kewangan melalui program advokasi dalam talian di peringkat negeri-negeri. Bagi wanita yang mempunyai minat untuk menjadi usahawan pula, mereka akan dibimbing dan kemudian diberikan pendedahan dan akses kepada program-program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Mereka yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan akan ditawarkan bantuan dana pembiayaan untuk memulakan perniagaan.

Para hadirin sekalian,

5. Wanita memainkan peranan dan memberi sumbangan signifikan dalam memacu kecemerlangan sektor pengajian tinggi Malaysia, dan meletakkan kedudukan negara sebagai hab pengajian tinggi global. Kejayaan hasil pemerksaan wanita dan kesaksamaan

Teks Ucapan Perasmian

dalam ekosistem pengajian tinggi Malaysia tidak dapat dinafikan di mana lebih daripada 55 peratus ahli akademik adalah wanita, dan mereka juga telah menunjukkan kemampuan mereka memegang jawatan strategik dalam pentadbiran universiti seperti naib canselor, timbalan naib canselor, dekan dan ketua jabatan.

6. Selain itu, Malaysia juga telah berjaya menyasarkan pendidikan berkualiti dan kesaksamaan gender dengan kadar enrolmen pelajar wanita di institusi pengajian tinggi. Laporan Statistik Pendidikan Tinggi 2020: Kementerian Pengajian Tinggi menunjukkan jumlah enrolmen pelajar wanita di institusi pendidikan tinggi adalah sebanyak 56 peratus daripada 1.2 juta pelajar yang berdaftar. Pencapaian ini menunjuk indikator penting kepada Malaysia dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) terutama Matlamat ke-4: Pendidikan Berkualiti dan Matlamat ke- 5: Kesaksamaan Jantina.

7. Namun, wanita dalam sektor pengajian tinggi yang merangkumi wanita bekerja (akademik dan pengurusan) dan wanita muda (pelajar) juga tidak terlepas menghadapi cabaran dan dilema seperti dari segi perkembangan kerjaya dan penjawatan, kesejahteraan, tuntutan keluarga, dan peluang kerjaya. Tambahan lagi, ekosistem pengajian tinggi kini sedang melalui pertembungan era gangguan (disruptive) dan tidak terjangka (unprecedented) yang dikaitkan dengan keadaan landskap global pada masa kini yang VUCA - Volatile (bergejolak), Uncertain (tidak pasti), Complex (kompleks), dan Ambiguous (tidak jelas).

Teks Ucapan Perasmian

Para hadirin yang dihormati,

8. Era Disruptif adalah di mana zaman 'gangguan' kepada aturan sedia ada, dan ianya dikaitkan dengan kemajuan teknologi baru yang mengubah model perniagaan dan kehendak pelanggan dalam pelbagai sektor termasuk pengajian tinggi. Kemajuan pesat teknologi dan perkembangan inovasi dalam era disruptif ini telah mentransformasikan kemahiran dan budaya kerja, mewujudkan jurang dan cabaran kerjaya, dan menstruktur semula kerja masa depan (future of work). Setelah agenda penyesuaian dan pemodelan semula berjalan dari ledakan kemajuan teknologi ini, ekosistem pengajian tinggi telah di 'ganggu' dengan situasi tidak terjangka.

9. Kemunculan Pandemik (COVID-19) sejak tahun 2020, telah memberi dampak yang signifikan kepada ekosistem pengajian tinggi global yang jauh lebih pantas daripada mana-mana pembangunan kemajuan teknologi. Krisis kelestarian global ini telah mewujudkan norma baru dalam sistem operasi, pengurusan dan penyampaian bagi sektor pengajian tinggi dari pelbagai peringkat dan pihak berkepentingan. Norma ini memerlukan institusi pengajian tinggi untuk menstruktur semula pelan strategi, dan mengubah hala tuju sedia ada bagi beradaptasi dalam pertembungan era gangguan teknologi dan krisis pandemik.

Teks Ucapan Perasmian

Para hadirin sekalian,

10. Pengukuhan 'reskilling' dan 'upskilling' bakat menjadi pemacu dalam membolehkan wanita dalam pengajian tinggi untuk menghadapi cabaran semasa, dan sekali gus mempercepat kemajuan agenda kelestarian global terutama Matlamat 5 (Kesaksamaan Gender): "Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasakan semua wanita dan gadis". Hal ini signifikan daripada membiarkan 'gangguan' dan norma baru dalam landskap kerja pada masa kini memberi impak kepada peranan dan fungsi mereka. Wanita harus aktif mengambil bahagian dalam semua aspek kepemimpinan dalam menyumbang kepada perubahan dan pembangunan institusi, masyarakat serta negara. Ianya penting untuk mengembangkan potensi serta bakat, dan peranan mereka sepenuhnya bagi berdaya tahan dan saing dalam ekosistem pengajian tinggi yang dinamik.

11. Memandangkan bilangan wanita yang semakin dominan dalam sektor pengajian tinggi pada era yang menyaksikan penumpuan terhadap pertembungan 'gangguan' teknologi dan Pasca-COVID-19. Tema The United Nations (UN) Hari Wanita Antarabangsa 2021 - 'Women in leadership: Achieving an equal future in a COVID-19 world' menekankan penglibatan yang saksama antara kaum wanita dan lelaki dalam era pasca COVID-19. Penglibatan dan kepimpinan kaum wanita harus dititikberatkan dalam usaha menangani proses pemulihan pandemik COVID-19 dalam ekosistem pengajian tinggi.

Teks Ucapan Perasmian

12. Selaras dengan keprihatinan terhadap isu dan cabaran dalam pertembungan era disruptif dan tidak terjangka, diharapkan Simposium Wanita dalam Pengajian Tinggi ini dapat menjadi platform bagi golongan wanita untuk membincangkan dan berkongsi pandangan, idea atau inovasi baru mengenai isu dan trend semasa yang berkaitan dengan era disruptif dan ekosistem pengajian tinggi. Selain itu, memberi peluang kepada peserta untuk mewujudkan rangkaian kerjasama, dan mendorong perbincangan mengenai isu-isu berkaitan wanita dalam sektor pengajian tinggi seperti kepemimpinan, kebolehpasaran, dan ekuiti. Simposium ini juga diharapkan dapat meningkatkan kerjasama antara universiti, kementerian dan pihak berkepentingan lain dalam memperkasakan golongan wanita untuk beradaptasi dalam era disruptif.

13. Adalah menjadi hasrat utama pihak penganjur agar hasil daripada simposium ini dapat mengemukakan cadangan yang berkaitan dengan golongan wanita dan sektor pengajian tinggi dalam meningkatkan dan mendukung Dasar Wanita Kebangsaan, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Malaysia tentang Industri 4.0 atau Industri4WRD, dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (SPV2030).

Teks Ucapan Perasmian

Para hadirin yang dihormati,

14. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur kerana berjaya mengadakan program yang sangat bermanfaat ini. Saya sesungguhnya akan sentiasa menyokong penuh program-program yang mampu memberi impak terhadap pemerksaan kumpulan wanita di Malaysia dalam pelbagai sektor terutamanya pengajian tinggi.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan SIMPOSIUM WANITA DALAM PENGAJIAN TINGGI.

Sekian terima kasih. Wassalam

tlm/afas/22062021(1)